

Fasih berbahasa Melayu syarat jadi rakyat

BT Cebu
5/11/14, p27
Rencana

Reaksi sesetengah kaum Cina terhadap pendedahan bilangan dalam kalangan mereka, yang tidak boleh berbahasa Melayu langsung, memperlihat sikap yang rata-ratanya memparmerkan mentaliti orang asing.

Walaupun gelaran sebegini amat tidak disenangi kaum Cina, pemikiran dan tindak-tanduk mereka ini menunjukkan seolah-olah mereka tidak mempunyai kaitan langsung dengan negara ini. Sikap ini bukan sahaja salah, tetapi perlu diperbetul.

Sebagai warganegara Malaysia, kaum Cina wajib menerima hakikat mereka perlu cekap berbahasa Melayu yang juga bahasa negara. Ini syarat utama kepada kerakyatan negara ini, yang mengkehendaki keperluan fasih berbahasa Melayu, selain menerima adat Melayu. Hal ini jelas dalam Perlembagaan Persekutuan pada Bahagian Kerakyatan.

Tidak patut wujud alasan

Oleh itu, tidak patut wujud apa-apa jua alasan daripada kaum Cina mengenai syarat kebahasaan dan kebudayaan ini. Sehubungan ini, reaksi negatif sesetengah kaum Cina bukan sahaja memperlihat betapajahilnya mereka ini mengenai kewujudan kaum Cina di negara ini. Ia juga memperlihat tidak nasionalistiknya mereka ini, baik dari segi pembentukan negara bangsa dan pembangunan negara.

Ini antaranya dapat dilihat melalui soal balas yang bertanyakan bilangan kaum Melayu yang langsung tidak boleh berbahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Inilah contoh kejahanan mereka ini mengenai dasar negara, khususnya mengenai kedudukan dan peranan yang diperuntuk kepada dua bahasa itu.

Nampaknya gagasan bahasa Melayu sebagai bahasa negara bukan sahaja tidak difahami, ia langsung tidak diketahui oleh mereka ini. Justeru, sudah tiba masanya hal sepenting ini disampaikan kepada mereka ini.

Dalam hal ini, kaum Cina hendaklah diberitahu mengenai kepentingan bahasa negara kepada kerakyatan dan jati diri kebangsaan. Kecekapan di dalamnya bukan sahaja sebagai syarat penting kerakyatan Malaysia, ia juga parameter jati diri warganegara Malaysia terhadap kebersamaan politik dan sosial sebagai negara berdaulat dan rakyat yang bersatu.

Gagasan ini sebenarnya ijithad yang adil. Syarat cekap berbahasa Melayu tidak sesekali dilakukan dengan meminggirkkan bahasa etnik Cina, apakah lagi memansuhnya sama sekali. Ia sebenar-

nya tambahan kepada bahasa etnik Cina yang bukan sahaja dibenar dituturkan, tetapi juga dipupuk dan dilestarikan.

Hal ini jelas sekali dalam dasar bahasa dan pendidikan di negara ini yang menganjurkan kepelbagaian, baik dalam ranah bahasa maupun budaya. Dengan ini, pendidikan aliran Cina dijadikan sebahagian sistem pendidikan negara.

Sehubungan ini, bahasa Mandarin adalah satu bahasa pendidikan yang penting. Selain ini, ia juga menikmati status bahasa media massa, komunikasi luas, persuratan, agama, etnik dan warisan bagi kaum Cina di negara ini.

Dengan dasar kepelbagaian yang sebegini istimewa, kaum Cina sepatutnya bijak membuat perimbangan. Ia membabitkan keperluan untuk wujud sebagai entiti politik utuh dan sosial bersatu di Malaysia melalui bahasa Melayu selaku bahasa negara, dengan pengiktirafan yang diberikan kepada bahasa dan budaya mereka.

Sebenarnya perimbangan ini boleh dicapai dengan mudahnya jika sikap kaum Cina terhadap bahasa Melayu bersifat lebih positif. Ini antaranya boleh dilakukan dengan menerima secara ikhlas selain sepenuhnya nilai yang perlu dikongsi bersama, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa negara.

Berfungsi secara utuh

Penerimaan ini penting untuk negara kita berfungsi secara satu unit utuh, baik secara politik, sosial, budaya, ekonomi dan lain-lain. Untuk ini, Malaysia bukan sahaja perlu mempunyai, tetapi hendaklah terus melindungi bahasa yang dikongsi bersama, iaitu bahasa Melayu.

Dengan ini, semua warganegara termasuk kaum Cina wajib menggunakan bahasa Melayu, selain menerima budaya Melayu dalam ranah awam.

Dalam hal perimbangan ini, bahasa Mandarin perlu dipastikan untuk mendukung peranan subordinat sahaja, iaitu digunakan hanya dalam persekitaran persendirian etnik Cina, sama ada untuk pendidikan, sosial, budaya, ekonomi atau politiknya. Ini selari dengan statusnya di sisi undang-undang sebagai bahasa sukuhan.

Bahasa Melayu hendaklah dikaikan dengan soal negara. Kedudukan superordinat sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi negara, baik sebagai alat perpaduan maupun kemajuan.

Penulis

ialah Profesional Bahasa Melayu.



TEO KOK SEONG